

## **AKADEMIKA 72 (Januari 2008)**

### **Ekspresi Sepi Seorang Wanita Tua Dlam *Sangeetha*: Satu Pendekatan Psikologi Kemanusiaan**

RATNA ROSHIDA ABD RAZAK

#### ABSTRAK

*Makalah ini cuba mengupas kisah cinta yang terpendam antara warga India, Sangeetha dan seorang lelaki Melayu, Deros. Perasaan yang tidak diluahkan melalui kata-kata, tetapi menjadikan alat muzik gambus dan tabla sebagai pengantara rasa cinta mereka. Dengan menggunakan teori psikologi kemanusiaan, pembaca akan lebih memahami aspek psikologi yang meliputi sikap, tindakan dan perilaku yang terjadi antara mereka berdua. Psikologi kemanusiaan menekankan aspek personaliti individu tersebut yang pula banyak dipengaruhi oleh faktor persekitaran. Selain itu, psikologi kemanusiaan ini bersifat holistik atau menyeluruh dan terperinci. Justeru kefahaman sesuatu keadaan tidak boleh dicapai sekiranya analisis dijalankan secara bercebis-cebis. Apa yang penting ialah sesuatu itu perlu dilihat secara keseluruhan di setiap peringkat dengan mengambil kira keadaan persekitaran dan sejarahnya.*

*Kata kunci: psikologi kemanusiaan, personaliti individu, persekitaran, Sangeetha, sepi*

#### ABSTRACT

*This article tries to unravel the mutual feelings of love that is felt by an India lady, Sangeetha and a Malay man, Deros. The feelings are not verbally expressed, but rather they are expressed via the gambus and tabla, that is the musical instruments that they played. By using the humanistic psychology theory, the reader will better able to understand the psychology aspect of their attitudes, actions and behaviour. Humanistic psychology focuses on the personality of the individuals, which in turn is much influenced by the surroundings. Also, humanistic psychology theory is comprehensive in nature and as such assists in a complete understanding of a situation. What is important is that a situation or phenomena needs to be studied or looked at holistically, taking into account its surrounding and history.*

*Keywords: humanistic psychology, individual personality, surroundings, sangeetha, lonely*

# **Bahasa dan Kuasa: Analisis Wacana Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-11**

IDRIS AMAN

## **ABSTRAK**

*Barisan Nasional – gabungan parti yang memerintah Malaysia sejak merdeka pada tahun 1957 – memperoleh kuasa memerintah lagi selepas menang besar dalam pilihan raya umum kesebelas pada tahun 2004 dengan majoriti 90 peratus kerusi Dewan Rakyat dan menguasai semua kerajaan negeri, kecuali Kelantan. Pelbagai pandangan sains politik, sosiologi, serta ulasan mengenai faktor kejayaan tersebut diutarakan di media massa. Berlainan daripada pandangan yang pernah diutarakan itu, makalah ini meneliti kejayaan Barisan Nasional itu dari perspektif linguistik, iaitu dari cara mereka memanfaatkan dan menggembelng bahasa atau wacana untuk mencapai hasrat mempertahankan dan memperoleh kekuasaan politik. Penulis berpandangan bahawa pengurusan pemerolehan kuasa politik sebahagiannya merupakan pengurusan wacana organisasi berkenaan juga. Pemerolehan kuasa politik dalam konteks makalah ini adalah sebahagian daripada praktis sosial. Wacana Barisan Nasional yang dipilih untuk tujuan analisis ini ialah manifesto pilihan raya umum kesebelas mereka. Analisis adalah berdasarkan pendekatan analisis wacana kritis (critical discourse analysis), kaedah Fairclough. Berdasarkan pendekatan analisis wacana kritis Fairclough itu, dimensi tekstual dan dimensi amalan wacana berkenaan dikupas. Analisis tekstual meliputi huraian aspek leksikal, nahu, dan struktur generic wacana. Analisis amalan wacana pula meliputi interpretasi penghasilan, penyebaran, penggunaan, sifat amalan, daya ujaran, dan semiotik wacana. Praktis pemerolehan kuasa yang terselindung di dalam manifesto berkenaan dipertalikan secara dialektik dengan dapatan daripada kedua-dua dimensi tersebut.*

*Kata kunci: wacana, manifesto, Barisan Nasional, tekstual, proses sosial*

## **ABSTRACT**

*Barisan Nasional – a coalition of several political parties which govern Malaysia since independence in 1957 – has retained the power to rule after a landslide victory in the 11<sup>th</sup> general election in 2004 with a 90 percent majority in the parliamentary seats, and dominating all state governments, except Kelantan. Various victory factors have been commented the perspectives of political science, sociology, and from public viewpoints in the mass media. In contrast, this article analyses the Barisan Nasional victory from the linguistic perspective, the way language was manipulated and utilized, in terms of discourse, in order for the party to gain and retain political power. This writer believes that political power gaining management is a part of organization's discourse management too. Gaining political power in the context of this study is seen as a part of social practice. The discourse chosen for this study is the Barisan Nasional 2004 general election manifesto. Analysis is based on Fairclough's framework of critical discourse analysis. Through this framework, a textual and discursive practice is analysed. The textual analysis will be the description of the features of vocabulary, grammar, and generic structure of the discourse text. Meanwhile, the discursive practice will be the interpretation of the production, distribution, consumption, force of utterances, and semiotic aspects of the discourse. Findings from both aspects will then be explained inter-connected dialectically with the acquisition of power, which is subtly hidden in the manifesto.*

*Keywords: discourse, manifesto, Barisan Nasional, textual, social process*

# **Graduan dan Alam Pekerjaan: Kes Siswazah UKM**

ISHAK YUSSOF, RAHMAH ISMAIL & ROBIAH SIDIN

## **ABSTRAK**

*Pasaran kerja kini lebih bersifat dinamik ekoran perubahan pesat dalam penggunaan teknologi terkini dan kepelbagaian keperluan oleh majikan. Keadaan ini telah menimbulkan pelbagai isu dalam pasaran kerja, dan dirumitkan lagi oleh prestasi ekonomi negara semasa yang agak sederhana. Penciptaan peluang pekerjaan baru yang perlahan dilihat tidak senada dengan limpahan graduan dalam pasaran kerja. Keadaan ini telah mewujudkan persaingan dalam kalangan graduan dan masalah pengangguran, malah ada dalam kalangan mereka yang terpaksa menerima apa saja tawaran yang diberikan oleh majikan. Masalah ini memberi implikasi kepada kebolehpasaran graduan dan tahap kepuasan kerja dalam kalangan mereka. Artikel ini bertujuan membincangkan kedua-dua isu ini berdasarkan kes graduan UKM. Analisis kajian ini adalah berdasarkan tinjauan soal selidik yang dijalankan terhadap 343 graduan UKM yang tamat pengajian antara tahun 1998 hingga 2002. Aspek yang menjadi penelitian artikel ini adalah tempoh masa yang diambil untuk mendapat pekerjaan pertama, kesesuaian bidang pengajian dengan alam pekerjaan dan tahap kepuasan kerja dalam kalangan mereka.*

*Kata kunci: pasaran kerja, pengangguran, kebolehpasaran, kepuasan kerja, graduan*

## **ABSTRACT**

*Nowadays job market is getting more dynamic due to rapid changes in technology and diversity of employers' requirements. Consequently, this raises various issues in the job market, and it has worsened by unfavourable current national economic performance. Slow new jobs creation is not in tandem with the number of graduates flooding the job market. This situation has created stiff competition among the graduates and subsequently raises unemployment problem, to the extent that some graduates are forced to accept whatever the employer. Leaving no options, has offered. This phenomenon has significant implication on employability and job satisfaction among the graduates. The purpose of this article is to discuss these issues with special reference on UKM's graduates. Our analyses are based on a survey conducted using questionnaires to 343 UKM's graduates whom completed their studies between 1998 and 2002. Aspects that are examined in this article include duration taken for first employment, suitability of field of studies with occupation and the level of job satisfaction among the graduates.*

*Keywords: job market, unemployment, employability, job satisfaction, graduates*

# Negotiating Ethnic Identities: alcohol as a Social Marker in East and West Malaysia

TIMO KORTTEINEN

## ABSTRAK

*Dalam masyarakat Malaysia masa kini, terdapat dua kecenderungan yang bertentangan berkaitan pandangan mengenai minum arak (alkohol). Pada satu segi pengaruh barat termasuk terhadap pengambilan minuman arak semakin meluas seiring dengan proses perindustrian dan peningkatan taraf hidup. Pada segi yang lain pula, dalam beberapa dekad kebelakangan ini kelihatan Islam telah menjadi semakin berpengaruh di Malaysia. Makalah ini bertujuan meneliti kegiatan minum arak kini dan pengalaman positif mahupun negatif yang berkaitan dengan arak di Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Maklumat mengenai Malaysia Barat (Semenanjung) telah diperolehi pada 1996 dan 1997, sementara maklumat mengenai Malaysia Timur (Sarawak) pada 1999. Namun, kajian ini bukan hanya mengenai kuantiti dan kualiti arak yang diminum di Malaysia. Isu arak diguna sebagai 'jendela' melalui mana isu yang lebih luas mengenai pembinaan sempadan etnik atau ras diteliti. Secara rasmi, orang Melayu tidak minum arak kerana mereka beragama Islam. Namun, dari segi realitinya terdapat orang Melayu yang minum arak. Dari segi ideologi, politik dan sosial kegiatan meminum arak diguna sebagai satu cara memisah-misahkan ras di Malaysia dan secara khususnya pula untuk mendefinisi superioriti golongan Melayu.*

*Kata kunci: petanda sosial, identiti etnik, Islam, sempadan etnik, minum arak*

## ABSTRACT

*From the point of view of alcohol consumption, there are two contradicting tendencies in the present-day Malaysian society. On the one hand, Western influences, including the consumption of alcoholic beverages, have gained ground along with industrialization and increased standards of living. On the other hand, Islam has become more influential in the country during the past couple of decades. These two contradict each other as far as alcohol consumption is concerned. The article sets out to examine present-day alcohol consumption as well as positive and negative experiences related to alcohol in Peninsular Malaysia as well as in Sarawak, East Malaysia. The focus of the article is to study the impact of ethnic and religious identity on alcohol consumption in East and West Malaysia. The information on West (Peninsular) Malaysia was collected in 1996 and 1997 and the information on East Malaysia (Sarawak) in 1999. The study, however, is not only about the quantities and qualities of alcohol consumed in Malaysia. The alcohol issue is used as a 'window' through which the broader issue of the construction of ethnic or racial boundaries in the country is studied. Officially, Malays do not drink. Ideologically, politically and socially drinking is used as a way of segregating races in Malaysia in general and defining the superiority of the Malay race in particular.*

*Keywords: social marker, ethnic identities, Islam, ethnic boundaries, alcohol consumption*

# **Penilaian Makna Kualiti Hidup dan Aplikasinya dlam Bidang Pengurusan Persekitaran di Malaysia**

**AZAHAN AWANG, ABDUL HADI HARMAN SHAH  
& KADARUDDIN AIYUB**

## **ABSTRAK**

*Penilaian semula makna kualiti hidup penduduk bandar di Malaysia merupakan satu sumbangan terhadap bidang pengurusan persekitaran di Malaysia. Kebanyakan definisi kendalian kualiti hidup kini lebih kepada penjumlahan kemudahan infrastruktur dalam persekitaran bandar. Oleh yang demikian, jika diandaikan bahawa jika baik kemudahan yang disediakan, maka kualiti hidup juga turut baik walaupun hakikatnya perkara sedemikian merupakan satu andaian sahaja. Artikel ini cuba untuk menghujahkan bahawa kualiti hidup tidak mempunyai makna yang statik, walaupun dalam persekitaran yang sama. Makna kualiti hidup didefinisi oleh pengalaman penduduk di samping apa yang disediakan oleh persekitaran. Hal ini membentuk suatu 'negotiated meaning' untuk kualiti hidup. Kajian secara empirikal dilakukan di bandar Seremban bagi mendapatkan status kualiti hidup masyarakat berasaskan kepada tiga komponen utama iaitu kesediaan penduduk, persekitaran bandar dan akses bandar. Seramai 550 responden telah dikaji selidik berasaskan jenis rumah yang berbeza, iaitu rumah kos tinggi, kos sederhana, kos rendah, rumah kampung dan setinggan untuk mewakili kepelbagaian sosio-ekonomi di kawasan kajian. Hasil kajian mendapati dalam aspek kualiti hidup, kekuatan bandar Seremban adalah pada penduduknya berasaskan kepada skor komponen kesediaan diri yang tinggi berbanding dengan komponen persekitaran dan akses bandar. Didapati juga status kualiti hidup masyarakat bandar bersifat seragam walaupun berasaskan kepada sosio-ekonomi yang berbeza. Hasil yang diperolehi ini diinduksi secara lebih mendalam lagi bagi mendapatkan makna sebenar kualiti hidup masyarakat bandar untuk diaplikasikan ke dalam bidang pengurusan persekitaran di Malaysia.*

*Kata kunci: kualiti hidup, pengurusan persekitaran, Malaysia, persekitaran bandar, kesediaan penduduk*

## ABSTRACT

*Reassessing the meaning of urban quality of life in Malaysia is part of the contribution to the environment management discipline. Most operational definitions for quality of life are based on number of facilities or infrastructures available in urban areas. These assume that increasing the number of facilities will increase the quality of life. This article argues that quality of life do not have a static definition, even for the same environment, the meaning of quality of life is argued to be defined by experiences of the people and their environment. This resulted in a negotiated meaning for quality of life. An empirical study was conducted in Seremban to evaluate the quality of life of urban dwellers based on three main components; public readiness, urban environment and urban accessibility. A total of 550 respondents were, selected based on types of houses; high cost, medium cost and low cost residential, village houses and quarter areas that represent the diversity of social-economic status in Seremban. From these quality of life aspects, the research shows that the strength of Seremban lies in its people based on the high score in the self-readiness component compared to the urban environment and urban accessibility components. Quality of life among urban dwellers is found to be homogeneous even for different socio-economic backgrounds. The negotiated meaning of urban quality of life in this research is then applied to environmental management needs for urban development in Malaysia.*

*Keywords: quality of life, environmental management, Malaysia, urban environment, public readiness*